NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

1. Pengenalan

1.1 Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi (2010) dan perundangan subsidiarinya (secara kolektif, "Akta"), Notis Privasi ini diterima pakai bagi maklumat, termasuk ^data peribadi, yang dikumpul tentang anda oleh Public Islamic Bank Berhad ("PBB"), dirujukkan di dalam notis ini secara individu atau kolektif sebagai "Bank", "kita" atau "kami".

1.2 Notis Privasi ini menggariskan bagaimana kami memproses data peribadi anda yang dikumpul melalui saluran di bawah dari mula dikumpul, digunakan, dikongsi, dilupuskan dan langkah keselamatan yang telah kami wujudkan untuk memastikan data peribadi anda selamat:

- "Dalam talian" melalui platform perbankan dalam talian atau platform perbankan mudah alih; dan
- "Luar talian" menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di kaunter, oleh Wakil Perkhidmatan Pelanggan Bank dan/atau pasukan jualan dan pemasaran Bank, dan/atau semasa semakan usaha wajar oleh pegawai Bank.

^Data peribadi bermaksud apa-apa maklumat berkaitan dengan urus niaga komersial yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang boleh mengenal pasti anda sama ada secara sendiri atau apabila digabungkan dengan maklumat lain yang disimpan oleh kami, termasuk data peribadi yang sensitif dan penyataan pendapat tentang anda.

2. Komitmen Privasi Kami

2.1 Notis Privasi ini menyatakan komitmen Bank untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan keselamatan data peribadi anda pada setiap masa, kerana kami memahami kepentingan maklumat peribadi yang ada pada kami tentang pelanggan kami dan kepercayaan yang diletakkan oleh mereka terhadap kami.

2.2 Data peribadi anda diklasifikasikan sebagai rahsia dan hanya boleh didedahkan oleh kami sekiranya diizinkan oleh anda, dibenarkan oleh undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang diterima pakai oleh Bank.

3. Sumber Pengumpulan Maklumat Peribadi Anda

3.1 Kami akan mengumpul maklumat peribadi anda daripada pelbagai sumber yang mungkin termasuk data peribadi dan/atau *data peribadi sensitif yang relevan dalam hubungan perniagaan kami dengan anda.

a. **Maklumat yang kami kumpul terus daripada anda apabila anda:**

- Memohon untuk produk atau perkhidmatan, membuka akaun dalam talian atau secara bersemuka, membuat deposit atau pengeluaran, membayar bil anda, memohon untuk pinjaman atau menggunakan kad kredit/debit anda;
- Bercakap dengan kami melalui panggilan telefon atau secara bersemuka termasuk semasa kakitangan kami membuat penjualan atau pemasaran produk atau perkhidmatan kepada anda, apabila anda menelefon untuk membuat pertanyaan dan/atau melalui panggilan tele-pemasaran kami;
- Melayari laman web kami, menggunakan perkhidmatan kami atau melihat iklan dalam talian kami; dan
- Mengunjungi premis kami, yang mana imej dan aktiviti anda dirakam melaui rakaman televisyen litar tertutup (CCTV).

b. **Maklumat yang kami kumpul secara tidak langsung daripada sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang:**

- Agensi Rujukan Kredit, daftar dan sumber awam yang tersedia bagi tujuan penilaian kredit;
- Apa-apa perintah mahkamah, badan pengawalseliaan yang mempunyai kuasa ke atas Bank atau apa-apa agensi penguatkuasaan undang-undang bagi tujuan untuk mempertimbangkan pembukaan/penyenggaraan akaun anda;
- Pihak ketiga yang mempunyai hubungan dengan anda misalnya majikan anda untuk pengesahan pekerjaan; dan
- Apa-apa sumber lain yang anda telah beri keizinan untuk tujuan yang sepatutnya.

*Data peribadi sensitif termasuk maklumat tentang tahap kesihatan fizikal dan mental, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang seumpamanya, pelakuan atau tuduhan pelakuan sesuatu kesalahan, data biometrik atau apa-apa data peribadi lain seperti yang Menteri mungkin tentukan melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta.

NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

4. Pengumpulan Maklumat Peribadi

4.1 Jenis maklumat peribadi yang dikumpul bergantung kepada jenis produk atau perkhidmatan yang anda inginkan dan pengumpulan maklumat mungkin bermula sebelum anda bersetuju untuk menerima, atau selepas mendaftar, atau bergantung kepada cara bagaimana anda mengakses dan menggunakan produk dan perkhidmatan kami.

Maklumat peribadi yang dikumpul termasuk:

a. **Maklumat yang mengenal pasti anda:**

- Nama, gelaran/pangkat, alamat surat menyurat, alamat e-mel dan maklumat lain seperti nombor telefon, nombor telefon mudah alih, dsb.;
- Umur, jantina, tarikh lahir, bangsa, kewarganegaraan, status perkahwinan, butir-butir dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan atau pasport, mana-mana yang berkenaan;
- Data biometrik anda (misalnya cap jari, pengecaman wajah, rakaman suara atau pengecaman suara, dinamik corak kekunci atau biometrik tingkah laku termasuk corak menaip dan tabiat interaksi dengan peranti);
- Butiran pendidikan dan pekerjaan anda;
- Maklumat yang dikesan oleh sistem keselamatan termasuk rakaman imej anda di CCTV;
- Tarikh diterima masuk ke Badan Peguam (untuk peguam sahaja);
- Hubungan dengan pelanggan lain/pihak ketiga.

b. **Maklumat tentang kedudukan kewangan anda:**

- Sumber pendapatan, perbelanjaan, simpanan, aset, liabiliti, portfolio pelaburan dan sejarah peminjaman;
- Nombor akaun/Nombor Pengenalan Cukai, Nombor Pendaftaran Perniagaan dan Nombor Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (mana-mana yang berkenaan);
- Penyata kewangan beraudit/Pengurusan terkini, slip gaji atau pemfailan cukai;
- Laporan kredit daripada agensi pelaporan kredit, laporan penyesuaian harian; dan
- Pandangan daripada bank-bank lain tentang kebolehpercayaan kredit anda.

c. **Maklumat tentang tujuan anda menggunakan produk atau perkhidmatan kami.**

d. **Maklumat tentang pandangan anda tentang produk, perkhidmatan atau kakitangan.**

4.2 Di bawah keadaan tertentu, kami juga mungkin mengumpul data peribadi sensitif sekiranya:

a. Kami memerlukannya untuk menyediakan produk dan perkhidmatan tertentu untuk anda; atau

b. Anda memohon pekerjaan dengan kami.

4.3 Kami juga akan mengumpul data peribadi mengenai kanak-kanak daripada ibu bapa/penjaga sah sekiranya kami perlu menyediakan produk dan perkhidmatan tertentu kepada kanak-kanak tersebut.

5. Pemberian Maklumat Peribadi tentang Pihak Ketiga daripada Anda

Sekiranya anda memberikan maklumat peribadi tentang individu lain kepada kami atau sekiranya anda bergantung kepada orang lain (misalnya suami atau isteri, ibu atau bapa atau mana-mana pihak ketiga), anda perlu memastikan yang anda dibenarkan untuk berbuat demikian dan anda bersetuju untuk memaklumkan kepada individu tersebut siapa kami, bahawa kami boleh menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi berkenaan dan bahawa mereka boleh mendapat akses kepadanya sekiranya kami menyimpan maklumat berkenaan.

6. Penggunaan Maklumat Peribadi

Walaupun tujuan utama pengumpulan maklumat tentang anda adalah untuk digunakan dalam urusan biasa perniagaan harian antara Bank dengan anda, maklumat berkenaan juga boleh diguna pakai bagi tujuan yang berkaitan dengan tujuan utama berkenaan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

a. Penyediaan perkhidmatan perbankan kewangan dan perkhidmatan lain yang berkaitan serta kemudahan kredit kepada anda, termasuk memproses permohonan, urus niaga, penyata dan pengeluaran serta pengemukaan e-Invois kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;

NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

b. Penawaran, jualan silang dan pemasaran produk dan perkhidmatan PBB, gabungan kami yang terdiri daripada Public Islamic Bank Berhad, Public Investment Bank Berhad, Public Mutual Berhad, PB Trustees Services Berhad, Public Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, Public Nominees (Asing) Sdn Bhd, AIA Public Takaful Berhad, Lonpac Insurance Berhad, AIA Berhad, Public Bank (Hong Kong) Limited, Public Finance Limited, Winton (B.V.I) Limited, Cambodian Public Bank PLC, Campu Lonpac Insurance PLC, Public Bank Vietnam Limited, Public Bank (L) Limited, PB Trust (L) Limited, Campu Securities PLC dan Public Securities Ltd ("Gabungan");

c. Membuat semakan kredit dan status lain pada masa permohonan dibuat dan secara berkala sepanjang tempoh kredit untuk memastikan kebolehpercayaan kredit pelanggan;

d. Mencipta dan mengekalkan pemarkahan kredit dan model berkaitan dengan risiko Bank;

e. Menyediakan rujukan (untuk pertanyaan status);

f. Mengekalkan sejarah kredit pelanggan;

g. Membantu institusi kewangan lain untuk membuat semakan kredit;

h. Menyesuai dan memperbaiki perkhidmatan kewangan atau produk yang berkaitan untuk kegunaan pelanggan;

i. Pemantauan dan kawalan dalaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan amaun yang terhutang kepada atau oleh pelanggan;

j. Pelaksanaan kewajipan pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kutipan amaun yang tertunggak daripada pelanggan dan pihak lain yang mempunyai liabiliti dengan Bank;

k. Apabila pendedahan diperlukan di bawah mana-mana undang-undang, kaedah, peraturan, perintah mahkamah atau apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan yang mempunyai kuasa ke atas Bank atau mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang;

l. Membolehkan pemegang serah hak Bank yang sebenar, atau yang dicadangkan, atau peserta, atau subpeserta untuk menilai urus niaga yang dimaksudkan sebagai subjek penyerahan hak, penyertaan atau subpenyertaan;

m. Kajian dan analisis statistik (termasuk analisis tingkah laku);

n. Berurusan dengan firma guaman untuk menyempurnakan dokumentasi sekuriti Bank bagi pembiayaan dan pendahuluan pembiayaan pelanggan;

o. Memproses data peguam untuk membolehkan Bank menilai kesesuaian mereka untuk dilantik sebagai Panel Peguam Bank;

p. Membantu vendor yang dilantik oleh Bank untuk menjalankan penyelenggaraan dan sokongan untuk sistem dan peralatan teknologi maklumat;

q. Pemeriksaan usaha wajar untuk kakitangan, pembekal, vendor, pembekal perkakasan dan perisian teknologi maklumat sebelum memasuki kontrak perkhidmatan dengan mereka atau membeli produk daripada mereka;

r. Mereka bentuk dan menganjurkan kempen/promosi/acara untuk penyertaan pelanggan termasuk proses pemilihan pemenang-pemenang, pengedaran/penghantaran hadiah dan acara penyampaian hadiah;

s. Mendapatkan semula, merekod dan menyimpan bagi tujuan audit dalaman/luaran;

t. Memenuhi terma dan syarat kontrak pekerjaan dengan Bank;

u. Pentadbiran dan pengurusan gaji, manfaat kesihatan dan manfaat pekerjaan yang lain; dan

v. Rakaman adegan CCTV, terutamanya, boleh digunakan untuk tujuan yang berikut:

- Jaminan kualiti;
- Keselamatan dan kesejahteraan awam;
- Mengesan dan mencegah penggunaan kemudahan, produk, perkhidmatan dan/atau premis kami secara mencurigakan, tidak sesuai atau tidak dibenarkan;
- Mengesan dan menghalang tingkah laku jenayah; dan/atau
- Menjalankan siasatan kejadian.

w. Pemilihan juri, pelantikan dan semakan penilai, syarikat insurans dan pemaju; dan

x. Penyelesaian aduan.

NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

7. **Keizinan**

7.1 Kami hanya mengumpul maklumat peribadi tentang anda yang perlu untuk melaksanakan fungsi dan aktiviti kami. Sekiranya anda tidak menyediakan maklumat ini atau mengizinkan penggunaan sesetengah daripada maklumat peribadi anda itu, kami mungkin tidak akan dapat menyediakan untuk anda produk atau perkhidmatan yang anda inginkan atau memproses permohonan anda untuk pekerjaan atau kemudahan atau mewujudkan urusan perniagaan dengan anda.

7.2 Dalam kebanyakan keadaan, sebelum atau pada waktu penyertaan sesuatu produk baharu atau semasa memohon kemudahan atau memohon pekerjaan dengan Bank, (atau sekiranya perkara itu tidak dapat dilaksanakan, secepat yang munasabah selepas itu) kami akan mendapatkan keizinan daripada anda bagi tujuan penggunaannya sebagaimana yang dimaksudkan dan untuk mendedahkan maklumat peribadi anda.

7.3 Keizinan anda boleh dinyatakan secara lisan, bertulis atau ditunjukkan melalui tindakan anda.

8. **Pendedahan Maklumat Peribadi**

Data Peribadi (kecuali data yang telah sedia ada dalam domain awam) yang disimpan oleh Bank berkaitan dengan anda akan dirahsiakan. Namun, kami mungkin perlu untuk berkongsi maklumat peribadi anda dalam urusan harian perniagaan dan yang berkaitan dengan tujuan utama maklumat anda dikumpulkan dengan pihak-pihak yang berikut, tertakluk sentiasa pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau obligasi) yang diterima pakai oleh kami:

a. Ahli gabungan dalam Kumpulan Public Bank;

b. Mana-mana ejen, kontraktor, pemaju, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, penyedia jaminan kewangan, penasihat, pelikuidasi/penerima dan pengurus, juruaudit, pelelong, penilai, peniaga/pengedar/pembuat kenderaan atau perunding yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, pembayaran elektronik, pemprosesan dan analisis data, pembayaran, penyelesaian sekuriti, pemungutan hutang, penilaian, insurans, kaji selidik, guaman, kewangan, perakaunan, percukaian, audit atau merujuk perniagaan kepada kami atau perkhidmatan lain kepada Bank;

c. Mana-mana individu yang telah mengaku janji, sama ada secara lisan atau tersirat untuk merahsiakan maklumat tersebut atau sebaliknya bertanggungjawab kepada Bank untuk merahsiakannya;

d. Mana-mana institusi kewangan atau institusi lain, caj kredit atau syarikat kad lain yang anda telah atau bercadang untuk berurus niaga;

e. Mana-mana pihak yang secara bersama dengan Bank melancarkan, menganjurkan atau menawarkan apa-apa produk, fungsi atau perkhidmatan dan mana-mana pihak lain yang mempunyai urusan perniagaan dengan Bank berkaitan dengan perkhidmatan, produk, kaji selidik maklum balas pelanggan dan fungsi yang ditawarkan atau dianjurkan oleh atau melalui Bank;

f. Bank pembayar yang menyediakan salinan cek yang telah dibayar (yang mungkin mengandungi maklumat tentang penerima bayaran) kepada pengeluar cek;

g. Agensi pelaporan kredit, dan, sekiranya berlaku keingkaran pembayaran, kepada agensi pemungut hutang;

h. Mana-mana individu, yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, pengawalan, perintah mahkamah dan di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau pihak berkuasa lain;

i. Mana-mana pihak yang memberi atau bercadang untuk memberi jaminan atau cagaran pihak ketiga untuk menjamin atau memastikan obligasi pelanggan;

j. Mana-mana pihak yang mengemukakan permintaan seperti yang disebutkan dalam perenggan 6(k) di atas;

k. Mana-mana pemegang serah hak Bank yang sebenar, atau yang dicadangkan, atau peserta, atau subpeserta atau penerima pindahan berkaitan dengan hak Bank kepada pelanggan;

l. Nama-nama pemenang hadiah kempen pemasaran kepada pihak media dan laman web Bank; dan

m. Penasihat undang-undang dan penasihat profesional lain selain daripada mana-mana pihak yang disebutkan dalam perkara 8 (a) hingga (l) di atas.

9. **Pindahan Maklumat Peribadi**

9.1 Memandangkan kami menjalankan operasi serantau, maklumat peribadi mungkin diproses dan didedahkan seperti yang dinyatakan di atas dalam mana-mana negara di mana kami menjalankan perniagaan atau yang mempunyai penyedia perkhidmatan menurut Notis Privasi sekiranya:

a. Anda telah memberi keizinan kepada pindahan tersebut;

b. Pindahan tersebut adalah perlu bagi pelaksanaan kontrak antara anda dengan Bank;

c. Pindahan tersebut adalah perlu bagi pemeteraian atau pelaksanaan suatu kontrak antara Bank dengan pihak ketiga yang dimeterai atas permintaan anda atau untuk kepentingan anda;

d. Pindahan adalah untuk tujuan prosiding guaman atau bertujuan untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau bagi mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan hak undang-undang;

e. Bank mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai dalam semua keadaan bahawa:

i. Pindahan tersebut bertujuan untuk mengelak atau mengurangkan tindakan yang tidak wajar terhadap anda;

ii. Tidak praktikal untuk mendapatkan keizinan anda secara bertulis berkenaan dengan pindahan tersebut; atau

iii. Sekiranya praktikal untuk mendapatkan keizinan anda, anda pasti akan memberikan keizinan.

f. Bank telah mengambil semua langkah pencegahan dengan sewajarnya dan melaksanakan usaha wajar bagi memastikan maklumat peribadi anda diproses di tempat itu menurut undang-undang Malaysia;

g. Pindahan itu perlu bagi melindungi kepentingan mustahak anda; atau

h. Apabila kerajaan menganggap bahawa pindahan maklumat peribadi anda adalah perlu untuk kepentingan orang ramai.

9.2 Notis Privasi kami dan amalan kami dibuat untuk menyediakan tahap perlindungan yang konsisten bagi maklumat peribadi. Ini bererti bahawa di sesetengah negara yang undang-undangnya tidak memberi perlindungan yang mencukupi untuk maklumat anda, Bank akan tetap mengendalikan maklumat tersebut dengan cara yang dinyatakan dalam notis ini.

10. Keselamatan Maklumat Peribadi

10.1 Bank komited untuk melindungi keselamatan maklumat peribadi anda daripada hilang, disalah guna, diubahsuai, diakses tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja atau didedahkan, dipinda, atau dimusnahkan dengan melaksanakan kawalan, langkah dan protokol keselamatan yang mencukupi dan ketat, menurut amalan industri sedia ada dan keperluan undang-undang.

10.2 Untuk mencapai matlamat ini, semakan yang kerap ke atas potensi risiko bagi maklumat peribadi akan dibuat dan apa-apa kesilapan atau kelemahan keselamatan yang dikenal pasti akan ditangani dan diperbetulkan dengan segera.

10.3 Kami mengambil langkah-langkah keselamatan, tanpa mengira medium tempat maklumat disimpan (kertas, cakera komputer, dsb.), sistem yang memprosesnya (mikrokomputer, kerangka utama, sistem pesanan suara, dsb.) atau kaedah bagaimana ia digerakkan (mel elektronik, perbualan secara bersemuka, dsb.). Perlindungan seperti ini termasuk pengehadan akses kepada maklumat atas dasar perlu tahu. Bank memperuntukkan masa dan sumber yang mencukupi untuk memastikan maklumat dilindungi dengan baik.

10.4 Sebagai sumber rujukan bagi keperluan keselamatan maklumat Bank, dasar-dasar, piawaian dan prosedur keselamatan maklumat didokumenkan dan diselenggarakan sepenuhnya. Semua kakitangan, termasuk kakitangan baharu, dilengkapkan dengan pengetahuan tentang tanggungjawab mereka berkaitan dengan maklumat peribadi anda. Perunding atau pihak luar lain yang diberi kontrak untuk menjalankan kerja untuk Bank juga mesti mematuhi keperluan ini dan mana-mana yang berkenaan, turut terikat kepada perjanjian yang tidak membenarkan mereka mendedahkan maklumat untuk memastikan aset maklumat Bank dirahsiakan.

10.5 Kami juga memerlukan anda untuk membantu kami dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang direka untuk melindungi nombor pengenalan diri dan kata laluan peribadi anda dengan menyimpannya secara rahsia dan sulit. Ini dinyatakan dalam terma dan syarat akaun anda. Anda juga dapat mengehadkan liabiliti akaun anda daripada penggunaan tanpa kebenaran sekiranya anda mematuhi keperluan ini.

10.6 Sekiranya kami tidak lagi memerlukan maklumat peribadi anda untuk apa-apa tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan menurut mana-mana perjanjian yang dibuat antara anda dan kami, selepas tamatnya tempoh tahanan yang berkenaan, sama ada menurut mana-mana undang-undang dan peraturan atau berdasarkan keperluan di bawah dasar kami, atau sebaliknya, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memusnahkannya dengan cara yang selamat atau mengeluarkan ciri-ciri pengenalan daripadanya.

11. Ketepatan Maklumat Peribadi

11.1 Bank akan mengambil semua langkah yang munasabah dan wajar untuk memastikan maklumat peribadi anda adalah tepat, sempurna dan terkini.

11.2 Anda boleh membantu Bank untuk menyimpan rekod yang tepat dan terkini dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis tentang apa-apa perubahan agar rekod tentang anda boleh dikemas kini dengan segera.

NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

12. **Hak Subjek Data**

12.1 Tertakluk pada Akta, anda sebagai subjek data berhak untuk melaksanakan hak-hak yang berikut:

a. Dimaklumkan tentang cara Bank mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan melindungi data peribadi anda, seperti yang dijelaskan dalam Notis Peribadi yang mana salinannya boleh didapati melaui laman web Bank atau disediakan atas permintaan;

b. Mengakses data peribadi yang kami simpan tentang anda dan/atau meminta kami membetulkan apa-apa data yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau lapuk; tertakluk pada fi dan caj yang boleh dikenakan untuk memproses permintaan akses data;

c. Menarik balik keizinan anda kepada Bank untuk memproses data peribadi yang diberikan oleh anda, namum, penarikan ini mungkin mengakibatkan Bank tidak dapat menyediakan atau terus menyediakan produk dan perkhidmatan tertentu kepada anda; dan

d. Berhenti menerima apa-apa bahan pemasaran atau komunikasi langsung daripada Bank melalui apa-apa saluran seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 13.2.

12.2 Sekiranya anda mempunyai pertanyaan berkaitan dengan notis privasi ini atau cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila:

a. Kunjungi cawangan pemegang akaun anda; atau

b. Hantar pertanyaan anda kepada mana-mana saluran hubungan berikut:

i. Pengurus
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat 13, Menara Public Bank
146, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Talian Perkhidmatan Pelanggan: 03-2178 8000
E-mel: customerservice@publicbank.com.my

ii. Encik Chen Kok Choy
Pegawai Perlindungan Data
E-mel: dpo@publicislamicbank.com.my

13. **Pemasaran Terus/Telepemasaran**

13.1 Bank boleh dengan kebenaran anda menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyediakan tawaran, surat berita dan bahan pemasaran/maklumat tentang produk, perkhidmatan, acara atau promosi Bank yang mungkin menarik minat anda melalui pos, e-mel, SMS, telefon, notifikasi dalam aplikasi atau saluran digital.

13.2 Sekiranya pada bila-bila masa anda memilih untuk tidak menerima maklumat pemasaran daripada kami, anda boleh menarik balik keizinan pemasaran anda melalui mana-mana salurant yang berikut:

a. Klik pautan tamatkan langganan di bawah e-mel pemasaran yang diterima;

b. Kemas kini pilihan anda melalui Terminal Layan Diri kami;

c. Tulis surat atau e-mel kepada saluran hubungan yang dinyatakan dalam Bahagian 12.2;

d. Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami melaui 03-2170 8000; atau

e. Kunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemas kini pilihan anda dengan melengkapkan Borang Pembetulan Data.

14. **Pautan Laman web**

Ambil maklum bahawa laman web ini mungkin mengandungi hiperpautan kepada laman lain yang tidak mempunyai kaitan dengan Bank. Laman web hiperpautan tersebut mungkin memenuhi atau tidak memenuhi piawaian privasi yang sama dengan yang kami tetapkan untuk pihak kami. Anda dinasihatkan agar memahami dan menilai piawaian dan prosedur privasi laman web tersebut. Pautan kepada laman web tersebut bukanlah pengesahan tentang kandungan laman web berkenaan dan bukanlah jaminan terhadap maklumat yang terkandung dalam laman web tersebut.

NOTIS PRIVASI

(Dikemas kini pada 30 Oktober 2026)

15. **Perubahan kepada Notis Privasi**

Bank akan mengemas kini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk menunjukkan perubahan pada dasar, proses dan sistem kami berkenaan dengan bagaimana kami mengendalikan maklumat peribadi anda. Pengemaskinian tersebut mungkin melibatkan kemasukan apa-apa keperluan terkini di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau mana-mana undang-undang lain yang diterima pakai. Apabila kami membuat perubahan pada notis ini, kami akan mengemas kini tarikh "**Dikemas kini pada**" pada bahagian atas setiap muka surat notis ini. Kami menggalakkan anda untuk menyemak notis ini dari semasa ke semasa.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]